

# Shanti optimis Zaidatul mampu tamat kemarau emas

**Kuala Lumpur:** Selepas mendekati lebih sedekad akhirnya rekod 100 meter (m) wanita milik G Shanti berjaya dipadamkan pelari muda negara Zaidatul Husniah Zukifli.

Shanti yang bekerja di Maybank itu nyata gembira dengan perkembangan sukan olahraga negara dan kejayaan dilakar Zaidatul itu dianggap sesuatu yang membanggakan.

Tegasnya, Malaysia kini mempunyai peluang cerah meraih emas dalam acara pecut, namun perlu berhati-hati dengan pesaing lain.

"Akhirnya selepas 24 tahun, kita akhirnya mempunyai pengganti dalam acara pecut."

"Saya gembira dengan perkembangan ini biarpun sudah lama tidak mengikuti berita sukan olahraga negara," katanya yang melakarkan rekod kebangsaan di kejohanan kelayakan Sukan SEA di Kuala Lumpur pada 7 Mei 1993.



SHANTI mahu Zaidatul kekal tenang ketika beraksi.

Katanya, beliau dimaklumkan oleh rakanya mengenai kejayaan Zaidatul mencatatkan rekod baru kebangsaan di Afrika Selatan awal pagi semalam waktu Malaysia.

Ditanya sama ada Malaysia berpeluang menamatkan kemarau pingat dalam acara 100m itu selepas kali terakhir

memenangi emas Sukan SEA di Jakarta pada 1997, Shanti berkata, beliau yakin seandainya Zaidatul mampu merekodkan masa sekitar 11.40 dan 11.50s selain tidak gentar ketika beraksi, pasti emas tidak mustahil digapai.

"Bagaimanapun, dia perlu bersedia kerana kita tidak mengetahui sejauh mana

“

Akhirnya selepas 24 tahun, negara mempunyai pengganti dalam acara pecut. Saya gembira dengan perkembangan ini biarpun sudah lama tidak mengikuti perkembangan sukan olahraga negara”

G Shanti

persiapan atlet negara luar lain," katanya.

Zaidatul, memecahkan rekod Shanti berusia 24 tahun di Kejohanan ASA Speed Series 2 di Stadium Mangaung Athletics Bloemfontein Afrika Selatan pagi semalam.

Dia merekodkan 11.45s dengan tiupan angin 0.4 meter per saat (mps) untuk memecahkan rekod Shanti 11.50s.

Minggu lalu Zaidatul hamipir memadamkan rekod kebangsaan walaupun melakukan 11.36s berikutan tiupan angin mencecah 2.5 mps.